

# ALENATE TABLETS 70MG

*Alendronate sodium eq. to alendronic acid 70mg*

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan *Alenate*
- Bagaimana *Alenate* berfungsi
- Sebelum mengambil *Alenate*
- Cara menggunakan *Alenate*
- Semasa menggunakan *Alenate*
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan *Alenate*
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Alenate*

Sebagai rawatan osteoporosis iaitu tulang semakin rapuh dan kehilangan ketumpatan tulang dalam wanita posmenopaus (putus haid).

## Bagaimana *Alenate* berfungsi

Osteoporosis adalah keadaan yang menyebabkan pengurangan ketumpatan tulang manusia. Keadaan ini menyebabkan tulang menjadi tipis, porus dan mudah patah. Ia meningkatkan risiko tulang patah dan rosak. Alendronate membantu mencegah osteoporosis dan menghentikan proses yang mengakibatkan kelemahan tulang.

## Sebelum mengambil *Alenate*

*Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil alendronate:

- jika ada alahan terhadap alendronate.
- jika paras kalsium darah rendah.
- jika mengalami keadaan kosongan esophagus lambat.
- jika tidak berupaya duduk atau berdiri tegak selama 30 minit.

*Sebelum mula mengambil*

Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan jika terdapat masalah gastrousus seperti kesukaran menelan, penyakit esofagus, gastritis, duodenitis, atau ulser. Punca osteoporosis selain defisiensi estrogen, umur atau penggunaan glukokortikoid perlu dipertimbangkan. Paras kalsium darah rendah perlu dirawat terlebih dahulu. Gangguan metabolisma garam-galian lain (seperti defisiensi vitamin D dan aktiviti paratiroid rendah) perlu dirawat. Pemeriksaan gigi dengan rawatan pencegahan pergigian perlu dipertimbangkan dahulu untuk pesakit yang berisiko (seperti kanser,

kemoterapi, radioterapi, kortikosteroid dan kesihatan oral lemah).

*Jika mengambil ubat-ubat lain*

Gangguan penyerapan ALENATE jika diambil bersama dengan suplemen kalsium, antacid, dan ubatan oral. Oleh itu, perlu diselang sekurang-kurangnya 30 minit selepas pengambilan ALENATE sebelum ubatan oral diambil. Penggunaan bersama ALENATE dan Terapi Gantian Hormon mengakibatkan peningkatan jisim tulang dengan penurunan silihganti tulang.

## Cara menggunakan *Alenate*

*Berapa banyak harus diambil*

Dos cadangan satu tablet 70mg setiap minggu. Tiada perubahan dos pesakit tua dan pesakit ketidaksempurnaan ringan fungsi ginjal, tetapi dos tidak dicadangkan untuk pesakit yang mempunyai masalah serius fungsi ginjal.

*Bila perlu diambil*

Perlu diambil sekurang-kurangnya setengah jam sebelum makan, minum atau pengambilan ubat. Ia perlu ditelan sebaik sahaja bangun tidur dengan segelas air. Pesakit perlu menerima suplemen kalsium dan vitamin D, jika diet biasa tidak memadai.

*Berapa lama perlu diambil*

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

*Jika terlupa mengambil*

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

*Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)*

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera. Tanda-tanda lebih dos: kesan gastrousus (seperti esofagitis, gastritis atau ulser), paras kalsium dan fosfat darah rendah.

## Semasa menggunakan *Alenate*

*Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Tidak harus berbaring sekurang-kurangnya 30 minit dan sehingga pengambilan makanan harian yang pertama. Tidak boleh diambil masa tidur atau sebelum bangun.

*Perkara yang perlu diberi perhatian*

Beritahu doktor jikalau hamil atau penyusuan semasa rawatan,

## Kesan-kesan sampingan

Kesan paling biasa ialah sakit abdomen, ketidakhadaman makanan, sembelit, cirit, sakit perut, kesakitan otot/tulang, bengkak muka, bibir, lidah atau kerongkong. Beritahu doktor jika berlaku kesan-kesan sampingan yang mengganggu dan berlanjutan. Terdapat kesan-kesan lain daripada yang tersenarai. Untuk keterangan lanjut, sila minta nasihat doktor atau ahli farmasi.

## Cara penyimpanan dan pelupusan

*Alenate*

*Penyimpanan*

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

*Pelupusan*

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

## Maklumat lanjut

*Rupa dan warna produk*

Tablet bujur warna putih.

*Bahan-bahan kandungan*

alendronate sodium, microcrystalline cellulose, lactose monohydrate, cornstarch, croscarmellose sodium and magnesium stearate

MAL NO: MAL07010990A

## Pengilang

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Date of revision

19-10-2012

## Marketing Authorization Holder

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
Penang, Malaysia.